

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Institut Pengurusan Kualiti
Sent: 16 Mei 2017 14:34
To: UUM - All Staff
Cc: Prof. Dr. K. Kuperan a/l K.V.S.N Viswanathan; Prof. Madya Dr. Faudziah Bt Zainal Abidin
Subject: PERKONGSIAN DOKUMENTASI 5S/QE KEARAH PENSIJILAN MPC



Institut Pengurusan Kualiti
INSTITUTE OF QUALITY MANAGEMENT
Universiti Utara Malaysia

16 Mei 2017/ 19 Syaaban 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

PERKONGSIAN DOKUMENTASI 5S/QE KEARAH PENSIJILAN MPC



IPQ ONLINE: 11 Mei 2017 (Khamis), Institut Pengurusan Kualiti (IPQ) menganjurkan Program Latihan Eksekutif 'Dokumentasi 5S/QE kearah Pensijilan MPC di IPQ, UUM. Seramai 21 peserta yang telah menjayakan agenda 5S dari pelbagai jabatan dan PTJ dalam UUM turut menyertai bengkel ini.

Bengkel ini adalah untuk membimbing para peserta mengetahui teknik mudah dan terbaik dalam usaha menyediakan dokumen - dokumen penting untuk Pensijilan 5S/QE Malaysian Productivity Corporation (MPC). Bengkel ini juga akan memberi pendedahkan kepada para peserta kaedah Amalan Persekitaran Berkualiti 5S/QE terbaik iaitu sehingga mampu menjadikan 5S/QE sebagai asas utama pembentukan persekitaran kerja yang kondusif dan berdaya saing.

Bengkel ini dikendalikan oleh Puan Siti Hajar Mat Isa, Pegawai Penyelidik Sosial, Bahagian Kecemerlangan Kualiti bersama Puan Rozaima Ilyas, Pengurus 5S IPQ. Puan Rozaima turut berkongsi pengalaman dan cara penyediaan bahan fail mengikut jawatankuasa 5S. Menurut salah seorang peserta bengkel ini, perkara yang paling menarik dalam bengkel ini adalah perkongsian maklumat mengenai aspek inovatif dalam pelaksanaan Amalan 5S dan juga perkongsian maklumat lengkap bagi penyediaan dokumentasi 5S. Sesi lawatan 5S turut diadakan bagi peserta untuk lebih memahami Amalan 5S yang dilakukan oleh IPQ.

IPQ mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua peserta atas kepercayaan yang diberikan untuk bersama-sama berkongsi Agenda 5S kearah Pensijilan MPC.

HABIS.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.